

04/08/2002

Seychelles, Mauritius minat sertai SNNi

NEGARA-negara Bekas Soviet (CIS), Seychelles dan Mauritius menunjukkan minat untuk menyertai Rangkaian Berita Pintar Antarabangsa (SNNi) iaitu rangkaian pertukaran berita dalam lingkungan Perkongsian Pintar Selatan-Selatan.

Anggota Kumpulan Eksekutif Bersama (JEG) Global 2002, Hardev Kaur, berkata negara berkenaan sudah menyatakan hasrat untuk berbuat demikian kerana mahu turut sama berperanan dengan lebih berkesan dalam menyediakan negara membangun dengan pelbagai pandangan mengenai isu semasa.

Beliau berkata, Naib Presiden Seychelles, James Alix Michel turut bertanyakan mengenai SNNi manakala pemimpin-pemimpin CIS lain menunjukkan minat untuk menyertai rangkaian itu.

"Mereka menunjukkan minat untuk menyertai SNNi dan saya tidak nampak kenapa kita tidak boleh menerima negara-negara berkenaan," katanya pada sidang sesi taklimat kepada media di Pelangi Beach Resort sempena dialog Global-LID 2002 di sini, hari ini.

SNNi dilancarkan bersama oleh Presiden Uganda, Yoweri Museveni dan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada Dialog Antarabangsa Selatan Afrika-Global 2001 (SAID) yang berlangsung di Speke Resort, Munyonyo, di Kampala, Uganda Ogos tahun lalu.